

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(A)29

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB. MUHAMMAD FAIZ BIN FADZIL**

29. Mohon Kerajaan Negeri Pulau Pinang nyatakan jumlah pengguna perkhidmatan feri bot laju dan catamaran sejak dilancarkan?
- (a) Adakah perkhidmatan tersebut dianggap mendapat sambutan orang ramai?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

29. Perkhidmatan feri bot laju (*catamaran*) bagi penumpang pejalan kaki telah dilancarkan pada 1 Januari 2021. Jumlah pengguna bagi perkhidmatan ini sejak dilancarkan sehingga Oktober 2021 adalah sebanyak 357,898 orang.
- (a) Perkhidmatan feri bot laju bagi penumpang pejalan kaki dianggap mendapat sambutan yang memberangsangkan berdasarkan rekod *ridership* yang dikemukakan kepada

Kerajaan Negeri setiap bulan. Peningkatan *ridership* secara konsisten juga dicatatkan setelah Kerajaan Negeri memperuntukkan subsidi dengan membiayai tambang feri kepada semua penumpang pejalan kaki (warganegara Malaysia) sejak 1 Julai 2021. Selain itu, perkhidmatan ini juga mendapat sambutan baik oleh pengguna kerana lebih selesa, selamat dan cepat berbanding perkhidmatan feri lama.